

Universiti Pendidikan Sultan Idris mempelawa calon-calon yang berkeelayakan dan berwibawa untuk mengisi jawatan Penasihat Undang-Undang. Maklumat jawatan tersebut adalah seperti berikut :

Jawatan : Penasihat Undang-Undang
 Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Tertinggi
 Gred Minimum : Gred Utama C (VU7)
 Pihak UPSI berhak menawarkan gred yang lebih tinggi berdasarkan keperluan dan tertakluk kepada keputusan pihak Lembaga Pengarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (LPU).

Mata Gaji dan Imbuhan	:	Gred	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
		VU7	7,676.00	20,592.00

(Penetapan sebarang gaji, honorarium dan elaun khas pentadbiran atau lain-lain gred yang lebih tinggi bagi tujuan pelantikan adalah tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2016, dan sebarang pindaan atau perubahan berdasarkan kesesuaian dan peraturan yang diluluskan oleh pihak LPU).

Tempoh Lantikan : Satu (1) hingga tiga (3) tahun perkhidmatan bagi setiap lantikan tertakluk kepada LPU.

Status Pelantikan : Secara Pertukaran Sementara/ Peminjaman/ Kontrak.

1. Fungsi dan Bidang Tugas

Tertakluk kepada Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan, Penasihat Undang-undang hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan berikut:

- (a) Menjadi penasihat mengenai hal ehwal undang-undang berkaitan dengan Universiti kepada Lembaga Pengarah Universiti dan mana-mana pihak berkuasa Universiti;
- (b) Menjadi Ketua Pejabat Penasihat Undang-undang;
- (c) Menjadi ahli *Ex-officio* Lembaga dan Senat Universiti;
- (d) Bertanggungjawab dalam hal-hal berkaitan perundangan Universiti termasuklah penasihat, gubalan dokumen perundangan, surat cara dan transaksi perundangan, litigasi dan tata tertib berkaitan pekerja dan pelajar;
- (e) Menjadi ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan mana-mana jawatankuasa lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan, Statut, Kaedah atau Peraturan;
- (f) Melaksanakan apa-apa kuasa dan kewajipan lain dan mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang diperlukan dalam menjalankan kuasa dan kewajipan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, Statut, Kaedah atau Peraturan Universiti;
- (g) Menjalankan tugas-tugas dan fungsi lain yang diarahkan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa.

2. Kelayakan Asas

- 2.1 Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LL.B). Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran (PhD) adalah satu kelebihan;
- 2.2 Berpengalaman luas dan beramal dalam profesion undang-undang sekurang-kurangnya 15 tahun. Mempunyai rekod cemerlang dalam khidmat profesional;
- 2.3 Berpengalaman memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan di mana-mana universiti awam, agensi Kerajaan atau swasta, *Government Link Company* (GLC), syarikat multinasional atau mana-mana syarikat terkemuka dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

- 2.4 Calon yang berumur sekurang-kurangnya 45 tahun adalah diberi keutamaan; dan
- 2.5 Disahkan sihat oleh Pengamal Perubatan Berdaftar.

3. Kriteria Umum

- 3.1 **Memimpin dan Mengurus** - Mempunyai "*people skills*" yang boleh meneraju transformasi, menggerakkan pasukan, mempunyai gagasan, visi dan misi yang jelas serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan;
- 3.2 **Komunikasi** - Memiliki kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap;
- 3.3 **Reputasi** - Menjadi role model kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati masyarakat di dalam dan di luar kampus;
- 3.4 **Personaliti** - Seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, berpandangan jauh, berfikiran rasional, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama;
- 3.5 **Proaktif** - Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi dan mempunyai daya kreativiti yang tinggi, konstruktif, saintifik, progresif, inovatif, kritikal, global serta analitikal;
- 3.6 **Dinamik** - Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan negara;
- 3.7 **Pengurusan konflik** - Berkeupayaan mengenalpasti konflik dan menguruskannya dengan baik dan berhemah;
- 3.8 **Potensi** - Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan Pendidikan Tinggi Negara secara keseluruhan;

- 3.9 **Jati Diri** -Mempunyai sifat jati diri dan patriotik, beretika, berintegriti dan berakhlak mulia.

4. Kriteria Khusus

- 4.1 **Pakar dalam aspek undang-undang**– Berkemampuan dalam memberikan nasihat yang betul, tepat dan signifikan secara bertulis atau lisan kepada pihak pengurusan Uniersiti dan jabatan-jabatan mengenai apa-apa perkara yang berkaitan undang-undang, melaksanakan apa-apa tugas lain yang bersifat undang-undang, yang dari semasa ke semasa dirujukkan atau ditugaskan kepadanya dan menunaikan fungsi yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah Perlembagaan ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.
- 4.2 **Berkepakaran** dalam menggubal/meminda undang-undang utama dan subsidiari termasuk peraturan-peraturan yang sedang dan akan diguna pakai oleh pihak Universiti.
- 4.3 **Cekap** dalam memastikan dan menyemak segala dokumen perjanjian dan dokumen yang ada kesan di sisi undang-undang untuk ditandatangani oleh pihak Universiti.
- 4.4 Menjadi perantara yang **bijaksana** bagi pihak Universiti dalam kes-kes sivil atau kes-kes lain yang di bawah bidangkuasa dan kawalan Penasihat Undang-undang – sama ada memfailkan tindakan bagi pihak Universiti sebagai yang menuntut atau tindakan di mahkamah apabila pihak Universiti dituntut; dan
- 4.5 **Pemikiran strategik** – Berkebolehan mengenalpasti, menjangka dan menganalisis isu dan masalah yang berkaitan dengan perundangan serta boleh mengatur strategi penyelesaian yang berkesan.
- 4.6 Berkebolehan melihat situasi dari pelbagai dimensi serta berkeupayaan megambil tindakan dan membuat keputusan mengikut keutamaan, berpandangan jauh dan melihat isu dari perspektif yang luas dan menyeluruh.
- 4.7 **Kepimpinan Berteraskan Nilai & Etika** - Memiliki dan mempraktikkan nilai dan etika yang tinggi dalam setiap tindakan serta menggalakkan prinsip ketelusan, keadilan, integriti dan profesionalisme dalam pengurusan organisasi secara keseluruhan.

4.8 Menegakkan prinsip-prinsip kepimpinan yang baik termasuk bersikap anti rasuah, berdisiplin tinggi dan sentiasa mempamerkan komitmen yang tinggi.

4.9 Membina dan menggalakkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat serta bebas daripada gangguan diskriminasi.

5. Ringkasan KPI dan *Curriculum Vitae*

Calon yang beminat juga perlu menyertakan maklumat seperti berikut:

- a) Curriculum Vitae' (CV) yang lengkap dan terkini berserta gambar berukuran passport; dan
- b) "*Key Performance Indicator*" (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Penasihat Undang-undang.

6. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu bual.

7. Sebarang pertanyaan, sila hubungi :

Puan Hajah Maskana binti Haji Ahmad
Timbalan Pendaftar Kanan,
Bahagian Governan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim Perak
No. Tel : 054506351
Emel : maskana@upsi.edu.my

8. Permohonan yang lengkap hendaklah dialamatkan kepada :

**PENDAFTAR
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 TANJONG MALIM
PERAK DARUL RIDZUAN**

9. Tarikh tutup permohonan ialah pada **13 April 2018 (Jumaat)**